


Oleh Presiden
Dieter F. Uchtdorf
Penasihat Kedua di dalam
Presidensi Utama



Persidangan Umum— Berkat Yang Tidak Biasa

Seorang ahli Gereja yang baik berbual-bual dengan jirannya yang bukan ahli Gereja kita. Bila topik tentang persidangan umum muncul, jiran itu bertanya, “Anda kata anda mempunyai para nabi dan para rasul? Dan dua kali buat setiap tahun mereka mendedahkan kata-kata Tuhan dalam persidangan seluruh dunia?”

“Betulnya,” ahli Gereja itu membalas dengan keyakinan.

Jiran itu merenung semenjak. Dia ternampaknya benar-bener berminat dna kemudian bertanya, “Apakah yang mereka ucapkan dalam persidangan umum lepas?”

Pada ketika itu, perasaan ahli Gereja itu bertukar dari teruja untuk mengongsikan injil kepada perasaan malu. Dia cuba dengan bersungguh-sungguh, tetapi dia tidak dapat mengingatkan perincian-perincian dari satu ucapan pun.

Kawannya merasa gelisah dan berkata, “Anda beritahu saya bahawa Tuhan berfirman kepada manusia pada hari kini dan anda tidak dapat mengingati tentang perkara yang Dia firmankan?”

Saudara itu merasa rendah hati kerana perbualan ini. Dia bersumpah bahawa dia akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh untuk mengingati kata-kata yang diucapkan oleh hamba-hamba Tuhan dalam persidangan umum.

Kita semua faham bahawa adalah susah untuk mengingatkan setiap pesanan dari persidangan umum, dan saya yakin bahawa kita tidak perlu merasa malu jika kita tidak dapat mengingati segala perkara. Tetapi, ada pesanan-pesanan dalam setiap persidangan umum yang dikurniakan dan adalah satu berkat yang khusus dari syurga kepada situasi hidup kita.

Untuk bersedia demi persidangan umum, biarlah saya cadangkan tiga konsep asas yang mungkin dapat membantu kita untuk lebih bersedia untuk menerima, mengingati, dan mengaplikasikan kata-kata yang diucapkan oleh para hamba Tuhan.

1. Para ahli Gereja berhak untuk menerima wahyu peribadi bila mereka mendengari dan mengaji kata-kata yang diilhamkan yang diucap pada persidangan umum.

Bila anda bersedia demi persidangan umum, saya menjemput anda untuk merenungkan soalan-soalan yang anda perlukan jawapan. Sebagai contohnya, mungkin anda inginkan arahan dan bimbingan dari Tuhan mengenai cabaran-cabaran yang anda temui.

Jawapan-jawapan bagi doa-doa khusus anda mungkin datang dari satu ucapan atau satu frasa. Ada masanya jawapan datang dari satu perkataan, frasa, atau lagu yang nampaknya tidak berkaitan. Satu hati yang penuh

dengan kesyukuran terhadap berkat-berkat hidup dan satu keinginan yang sepenuh hati untuk mendengar dan mematuhi kata-kata dari nasihat akan menyediakan jalan bagi wahyu peribadi.

2. Jangan menyisihkan satu pesanan hanya kerana pesanan itu lazim.

Para nabi selalu mengajar melalui perulangan; ini adalah satu undang pembelajaran. Anda akan mendengar perulangan tema dan ajaran dalam persidangan umum. Biarlah saya menyakinkan anda semula; ini bukan kerana kekurangan daya cipta atau imaginasi. Kita terus mendengar pesanan-pesanan tentang isu yang sama kerana Tuhan sedang mengajar dan meneakan ke atas fikiran dan hati kita prinsip-prinsip dasar yang penting buat kekekalan yang mesti difahami dan ditindakkan sebelum kita boleh bermaju depan dengan perkara-perkara lain. Seorang pembina yang bijaksana meletakkan dasar sebelum membangunkan dinding dan bumbung.

3. Kata-kata yang diucap dalam persidangan umum harus menjadi kompas yang menuju arahan bagi kita sepanjang bulan-bulan depan.

Jika kita mendengar dan mematuhi peringatan-peringatan Roh, peringatan-peringatan itu akan melayan kita sebagai satu Liahona, membimbing kita melalui lembah dan gunung yang tidak dikenali, yang mencabarkan di depan kita (lihat 1 Nefi 16).

Semenjak permulaan dunia, Tuhan membangunkan para nabi yang berucap tentang kehendak syurga kepada manusia pada zaman mereka. Adalah tanggungjawab kita untuk mendengar dan mengaplikasikan pesanan-pesanan yang Tuhan sediakan bagi kita.

Bapa Syurgawi kita yang berbelas kasihan dan seorang penyayang tidak melupakan dan tidak akan melupakan anak-anakNya. Hari ini, juga pada masa dahulu, Dia menugaskan para rasul dan para nabi. Dia terus mendedahkan firmanNya kepada mereka.

Memang adalah satu hak istimewa untuk mendengar pesanan-pesanan Tuhan kepada kita setiap orang semasa persidangan umum! Semoga kita bersedia dengan bagus demi berkat bimbingan ketuhanan yang dihantarkan oleh para hambaNya yang dipilih.

Ini bukan satu berkat yang biasa.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

- Baca karangan in bersama-sama. Galakkan ahli-ahli keluarga untuk mengidentifikasikan perkara-perkara untuk didengari semasa persidangan umum.
- Untuk menolong kanak-kanak muda untuk mengaplikasikan nasihat yang diberi oleh Presiden Uchtdorf, tunjukkan mereka satu carta Penguasa Umum (didapati dalam isu persidangan *Liahona*). Biarlah mereka tahu bahawa Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas Rasul akan berucap dalam persidangan umum. Galakkan kanak-kanak untuk mendengar dan melukis satu gambar untuk membantu mereka untuk mengingati perkara yang sudah mereka belajar. Para ibubapa boleh melawati conferencegames.lds.org untuk aktiviti-aktiviti lain bagi kanak-kanak.

REMAJA

Yang Baik, Lebih Baik, Paling Baik

Oleh Mary-Celeste Lewis

Dalam ucapannya pada Oktober 2007, Elder Dallin H. Oaks dari Kuorum Dua Belas Rasul berucap tentang aktiviti-aktiviti "Yang baik, lebih baik, dan paling baik." Bila dia berucap tentang "terlebih jadualan kanak-kanak," saya berasa malu.

Saya tahu bahawa saya lebih berjadual. Saya mengambil bahagian dalam lakonan sekolah, menghadiri kelas-kelas yang mencabarkan dalam sekolah, dan juga mengambil bahagian dalam beberapa aktiviti. Saya tidak selalu menghadiri aktiviti Remaja Puteri, dan hari Ahad saya penuh dengan tekanan cuba untuk menghabiskan kerja rumah pada saat terakhir. Latihan musik dan suntingan surat khabar sekolah sudah kehilangan keseronokan dan sudah menjadi kerja.

Ucapan Elder Oaks buatkan saya merenungkan jadual saya. Aktiviti-aktiviti saya adalah baik, tetapi terlalu banyak. Saya mesti pilih yang paling baik. Semasa saya cuba untuk memutuskan tentang aktiviti apakah yang saya harus tinggalkan, saya sedar bahawa injil Yesus Kristus adalah satu keutamaan yang paling baik bagi seseorang. Saya letakkan doa dan pengajian kitab suci pada tempat pertama senarai saya, dan semenjak itu, kehidupan saya menjadi lebih senang.

Elder Oaks mengajar saya bahawa bila kita melakukan perkara yang Tuhan inginkan kita lakukan *utama*, segala perkara akan menjadi senang. Jika saya mengaji kitab suci saya sebelum saya main satu permainan atau sebelum saya buat kerja rumah, segala perkara yang penting akan dapat dihabiskan. Bila saya mendasarkan kehidupan saya pada Tuhan, dan bukan hanya menambahkanNya sebagai fikiran akhir, kehidupan saya bertambah damai dan maju.

Sekarang saya berhati-hati bila mendengar nasihat yang diberikan dalam persidangan umum!

KANAK-KANAK

Saya Boleh Mendapat Jawapan Melalui Persidangan Umum

Presiden Uchtdorf mengajar bahawa jika anda ada soalan-soalan sebelum persidangan umum, Tuhan

boleh berfirman kepada anda melalui para nabi dan rasulNya semasa persidangan.

1. Bersama keluarga atau kelas, bincang tentang perkara apakah yang perlu anda belajar, secara individu atau bersama-sama. (sebagai contoh: Bagaimana saya boleh memperkuatkan kesaksian saya? Bagaimana saya mengatasi satu masalah di sekolah?) Catatkan soalan-soalan anda pada sekeping kertas atau dalam jurnal anda.
2. Pada minggu-minggu sebelum persidangan, anda boleh fikirkan dan berdoa tentang soalan-soalan ini.
3. Dengar dengan teliti semasa persidangan (mungkin akan membantu anda jika anda mencatatkan nota). Kemudian tuliskan bagaimana Tuhan menjawab soalan-soalan anda melalui para pemimpin Gereja.
4. Anda boleh melukiskan satu gambar tentang anda melakukan perkara yang sudah anda belajar pada sekeping kertas lain.



Memperkukuhkan Keluarga dengan Meningkatkan Kerohanian

Pelajarilah pesanan ini dan, sebagaimana sesuai, berbicara mengenainya dengan saudari-saudari yang anda kunjungi. Gunakanlah soalan-soalan yang diberikan untuk menolong anda menguatkan para saudari yang anda ajar dan juga untuk membuat

Julie B. Beck, presiden umum Lembaga Pertolongan, berkata: “Kesaksian saya tentang nilai anak-anak perempuan Tuhan bertambah dengan besar. . . . Saya dapat merasa keperluan hebat demi pertambahan iman dan kesolehan peribadi. Tidak pernah ada keperluan yang begitu besar demi keluarga dan rumah tangga yang kuat.”

Para saudari boleh menubuhkan rumah tangga dan keluarga yang kuat bila mereka bertindak ke atas wahyu persendirian. “Keupayaan untuk menjadi layak, menerima, dan bertindak ke atas wahyu persendirian adalah satu kemahiran yang paling penting yang boleh didapati dalam hidup ini,” Sister Beck terus berkata. “Untuk berke Layakkan demi Roh Tuhan bermula dengan satu keinginan terhadap Roh dan melibatkan kelayakan. Pematuhan perintah, pertaubatan, dan pembaharuan perjanjian pembaptisan menuju ke berkat-berkat untuk selalu memiliki Roh Tuhan bersama kita. Membuat dan menjaga perjanjian bait suci juga menambahkan kekuatan dan kuasa rohani kepada hidup seorang wanita. Banyak jawapan kepada soalan-soalan

yang susah boleh didapati dengan membaca kitab-kitab suci kerana kitab-kitab suci adalah satu bahan bantuan kepada wahyu. . . . Doa harian adalah mustahak untuk memiliki Roh Tuhan bersama kita.”¹

Kita juga memperkukuhkan ahli-ahli keluarga kita secara rohani bila kita menolong mereka untuk memahami rancangan kekal Bapa Syurgawi. “Apakah yang boleh kita lakukan untuk lebih menyediakan anak-anak kita terhadap peranan kekal mereka?” tanya Elder M. Russell Ballard dari Korum Dua Belas Rasul. “Mungkin jawapan yang paling terang-kum ialah: Mengajar mereka cara untuk menghidupi asas-asas injil.” Pengajaran ini datang melalui doa harian, pengajian kitab-kitab suci, dan makan bersama keluarga dan juga malam keluarga mingguan dan kehadiran Gereja. Elder Ballard menjelas: “Kita bersedia setiap hari, sekarang, demi hidup kekal. Jika kita tidak bersedia demi hidup kekal, kita bersedia demi perkara yang lebih kurang, mungkin sesuatu perkara yang banyak kurang.”²

Dari Tulisan Suci

Amsal 22:6; 1 Yohanes 3:22;

Ajaran dan Perjanjian 11:13–14; 19:38; 68:25

Dari Sejarah Kita

Nabi Joseph Smith mengajar para saudari pada April 1842 dalam pertemuan Lembaga Pertolongan bahawa mereka mempunyai satu kewajiban yang serius untuk mencarikan penyelamatan mereka sendiri. Dia berkata, “Selepas arahan [saya], anda akan bertanggungjawab kepada dosa-dosa anda; ia adalah satu penghormatan yang berahi bahawa anda menghadapi Bapa Syurgawi kita untuk menyelamatkan diri sendiri; kita semua bertanggungjawab kepada Tuhan untuk memperbaiki terang dan kebijaksanaan yang dikurniakan oleh Tuhan kita untuk membolehkan kita untuk menyelamatkan kita diri sendiri.”³ Dia mengajar mereka untuk menjadi individu yang soleh, untuk menjadi orang yang kudus, dan bersedia demi tatacara dan perjanjian bait suci.

CATATAN-CATATAN

1. Julie B. Beck, “And upon the Handmaids in Those Days Will I Pour Out My Spirit,” *Liahona*, Mei 2010, 10, 11.
2. M. Russell Ballard, “Spiritual Development,” *Ensign*, Nov. 1978, 65, 66.
3. *Ajaran Presiden-Presiden Gereja: Joseph Smith* (2007), 451.

Apa yang Dapat Saya Lakukan?

- 1.** Bagaimana saya boleh menolong saudara-saudari saya untuk meningkatkan sifat bergantung pada sendiri kerohanian?
- 2.** Bagaimana saya boleh memperbaiki keupayaan saya sendiri untuk mengenali dan menjawab kepada Roh Kudus?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.reliefsociety.lds.org.